

BUKU ADAT PERPATIH DAN DATO'-DATO' LEMBAGA LUAK TANAH MENGANDUNG SIAP DISUSUN

(oleh Haji Muhammad Tainu)

Manuskrip buku Adat Perpatih dan Dato'-Dato' Lembaga Luak Tanah Mengandung telah siap disusun oleh Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dan sekarang sedang dikaji dan disemak semula bagi peringkat akhir bersama-sama dengan Dato'-Dato' Lembaga di Luak Tanah Mengandung.

Pada 30hb. Mac, 1993 yang lalu bertempat di Rumah Persinggahan Tan Sri Dato' A. Samad Idris di Seri Menanti telah diadakan perjumpaan Dato'-Dato' Lembaga Luak Tanah Mengandung bagi membincangkan dan membuat kajian terakhir manuskrip tersebut.

Seramai 20 orang Dato'-Dato' Lembaga dari Luak Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas telah hadir dalam perjumpaan itu. Turut hadir Penghulu Luak Ulu Muar, Dato' Abu Zarin bin Sulaiman, Penghulu Luak Jempol, Dato' Haji Mohd Hashim b. Abdullah dan Penghulu Luak Gunung Pasir Dato' Mansor b. Gempam.

Sebelum daripada itu Jawatankuasa Penyelidikan Budaya telah mengadakan lebih daripada sepuluh kali perjumpaan dengan Dato'-Dato' Lembaga di Luak-Luak Tanah Mengandung bagi membincang dan mengkaji manuskrip awal yang telah disusun dan disediakan. Manuskrip awal itu telah disusun semula dengan pindaan-pindaan dan pembetulanannya sebanyak tiga kali.

Dalam perjumpaan di Sri Menanti itu beberapa lagi pindaan dan tambahan maklumat mengenai tiap-tiap luak telah dilakukan. Adalah dijangka akan dapat diselesaikan sebelum 1hb. Mei. 1993 ini. Selepas itu manuskrip tersebut akan disusun semula untuk dicetak dan diterbitkan.

Tan Sri Dato' A. Samad Idris, Selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan berasa puas hati terhadap sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh Dato'-Dato' Lembaga Luak Tanah Mengandung dalam usaha membukukan Adat Perpatih di Negeri Sembilan ini.

Satu lagi manuskrip buku Adat Perpatih bagi Luak Jelevu pada peringkat awal telah siap ditulis dan telah disampaikan kepada Dato' Undang Luak Jelevu untuk disemak bagi pembetulan, pindaan dan tambahan maklumat oleh pihak Dato'-Dato' Lembaga Luak Jelevu. Pihak Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan mengharapkan akan dapat mengadakan pertemuan dan perjumpaan dengan Dato'-Dato' Lembaga Luak Jelevu dengan izin Dato' Undang Luak Jelevu bagi membincangkan dan mengkaji semula manuskrip tersebut.

Menurut Tan Sri Dato' A. Samad Idris dua buah buku akan diterbitkan dalam tahun 1993 ini iaitu buku yang diberi jodol 'Negeri Sembilan, gemuk dipupuk, segar bersiram', 'ADAT MERENTAS ZAMAN', dan sebuah lagi 'Sejarah Kedatangan Minangkabau ke Negeri Sembilan'.

RENUNGAN

ORANG BERBUDI KITA BERBASA, ORANG MEMBERI KITA MERASA

Orang-orang Melayu memang terkenal dengan sifatnya yang terpuji suka berbudi kepada sesiapa saja malah orang-orang dagang yang datang merantau dan menepat di kampung mereka pun biasanya ia dianggap sebagai sahabat malah seperti keluarga kerana itu ada rangkapan petatah yang berbunyi:

Kera di hutan disusukan
Anak dipangku diletakkan
Dagang lalu ditanakkan (diberi makan)

Memang tidak dapat dinafikan menabur budi adalah satu-satunya sifat mulia yang seharusnya dimiliki oleh setiap insan didunia ini, tetapi dalam dunia yang serba maju sekarang ini sifat-sifat demikian sudah mula diketepikan oleh setengah pihak dan individu.

Ertinya:

Pepatah ini agak jelas maksudnya dan mudah difahami kerana itu tidak perlu dijelaskan lagi, memang kebiasaannya kalau sudah berbudi biasanya orang yang menerima budi tersebut akan membalas kembali budi yang telah diterimanya.

Ulasan:

Dalam keadaan dunia yang semakin maju dalam semua bidang lebih-lebih lagi penduduk-penduduk yang tinggal di bandar-bandar banyak kedapatan seseorang itu hanya memikirkan soal dirinya dan keluarganya saja, ia sedikit pun tidak mengambil hirau dan perhatian soal orang lain malah jiran sebelah rumahnya pun mereka tidak peduli, sikap demikian menunjukkan kerendahan budi seseorang.

Akhir-akhir ini kerajaan telah menyedari amalan yang tidak sihat ini. Langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil bagi membentuk badan seperti rukun tetangga dan jawatankuasa sejiran.

A. Samad Idris

Buat baik berpada-pada h 108

PENYELIDIKAN BUDAYA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Berfungsi dengan
tiga objektif
yang penting

1. Koleksi
2. Dokumentasi
3. Penyelidikan / Penerbitan.

BUDAYA NEGERI

PENASIHAT
Tan Sri Dato' A. Samad Idris

REDAKSI
Norhalim Hj. Ibrahim
Hj. Muhammad Tainu
Zaini A. Hamid

ALAMAT
Tingkat 0 (Bawah)
Bangunan Lama
Pejabat SUK N. Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70000 Seremban
Tel: 06-735401

Sejarah Penerokaan Luak Jelevu

PERSEMENDAN ORANG MINANGKABAU

(oleh: DHARMALA N.S)

PERSEMENDAN ORANG MINANGKABAU

KEDATANGAN orang-orang Minangkabau di Jelevu sama seperti di Luak Sungai Ujong iaitu sekitar kurun ke 17 atau awal kurun ke 18. Pergolakan politik dalam Kerajaan Melayu Melaka dan kemudiannya Kerajaan Melayu Johor mendorong perpindahan mereka ke kawasan lebih selamat. Persemendaan orang-orang Minangkabau dengan penduduk-penduduk tempatan di Jelevu dijangkakan dalam era **MOYANG ANGSA** iaitu nenek kepada Moyang Salleh, Undang Luak Jelevu yang pertama.

Persemendaan inilah mempengaruhi cara hidup penduduk-penduduk tempatan yang dikenali sebagai Biduanda Waris. Ketika ini Jelevu memang merupakan wilayah pemerintahan Sultan Johor atau di bawah kerajaan Melayu Johor. Sebelum kemunculan kerajaan Melayu Johor, kedudukan Jelevu memang di bawah pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka.

Moyang Angsa dipercayai keturunan daripada peneroka luak Jelevu iaitu To' Jelondong sebagai Biduanda Waris telah berkahwin dengan Dato' Gombak keturunan Minangkabau. Bagi memuliakan suaminya, Moyang Angsa bersetuju supaya suaminya **DATO' GOMBAK** dilantik menjadi Penghulu di Jelevu. Ketika ini pemerintah di Jelevu dikenali sebagai Dato' Penghulu sahaja.

Dengan ini Dato' Gombak adalah Dato' Penghulu di Jelevu era permulaan persemendaan orang Minangkabau ini. Dato' Gombak mendapat anak perempuan bernama **MOYANG ACHEH**. Anaknyanya juga berkahwin dengan lelaki keturunan Minangkabau bernama Dato' Mentunggang. Apabila Dato' Gombak meninggal dunia menantunya Dato' Mentunggang itu pula dilantik menjadi Dato' Penghulu. Perkahwinan Moyang Acheh dengan Dato' Mentunggang ini memperolehi seorang anak lelaki dinamakan Moyang Salleh.

Agama Islam sudah berkembang di Luak Jelevu sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau ini. Dalam catatan sejarah lisan di Jelevu disebutkan:

"Agama Islam dikatakan telah sampai ke Jelevu sebelum peneroka-peneroka Melayu itu sampai disebabkan seperti negeri-negeri lain Jelevu ialah dalam pemerintahan Raja Johor. Maka ada sekali persetua bertitahlah Maharaja Johor menyuruh seorang yang bernama Raja Khatib atau Dato' Gemaboh pergi ke Negeri Sembilan mengIslamkan penduduk-penduduk di mana dia bertemu mereka.

Dia datang dari Johor mengikut jalan Laut China dan mudik Sungai Pahang lalu menyusur Sungai Teriang sampai ke Jelevu dekat tempat yang sekarang bernama **JUNTAI** itu lalu turun dari pada perahunya, berdiri di atas hamparan pasir di situ menyeru kepada orang-orang jahiliah supaya mereka menyahut seruannya mengenai syiar Islam.

Tempat itu lalu dipanggil **KAMPUNG PASIR PANGGIL** hingga ke hari ini dekat Juntai. Manamana yang menyahut seruannya itu ikut mudik bersama-samanya ke hulu hingga ke Kuala Lumut di situ mereka dikhatankan, di tapak itu juga didirikannya masjid iaitu Masjid Kuala Dulang. Di antara yang memeluk Islam itu termasuklah Moyang Angsa, Waris Biduanda Tua di situ. Mereka tidak pulang-pulang lagi bahkan menetap di situ. Akan khatib tadi mudik jauh ke selatan dan singgah di Ulu Klawang pula mengIslamkan orang-orang di situ....."

Cerita pengembaraan menjadi epik dalam banyak cerita-cerita Melayu termasuk Hikayat Hang Tuah, Hikayat Malim Deman mahupun Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Oleh itu cerita-cerita lisan orang Melayu memang dipengaruhi oleh ciri-ciri pengembaraan demikian.

ini boleh dianggarkan awal kurun ke 18 atau penghujung kurun ke 17, kalau berdasarkan fakta Moyang Angsa iaitu nenek Moyang Salleh itu hidup. Pemerintah Johor ketika itu ialah Sultan Abdul Jalil Riayat Syah 1V (1699-1718) iaitu Bendahara Johor yang menggantikan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang setelah dibunuh oleh Megat Seri Rama dalam tahun 1699.

Sekitar tahun 1718 pula Johor diperintah oleh Raja Kechil keturunan Minangkabau yang mendakwa anak Sultan Mahmud Mangkat Dijulang (dalam Sejarah Johor, Sultan berkenaan mangkat dengan tidak meninggalkan zuriat). Dalam masa pemerintahan Raja Kechil inilah pengaruh Minangkabau mula melebar ke beberapa wilayah yang kemudiannya dikenali sebagai Negeri Sembilan.

Penaklukan Raja Kechil ke atas Johor tahun 1718 menimbulkan pemberontakan pembesar-pembesar di Johor hingga mereka mendapatkan bantuan Daeng Chelak lima bersaudara kerabat di Raja Bugis. Raja Kechil berjaya diusir ke Siak tahun 1721, tetapi pengaruhnya terus kekal di beberapa wilayah di Negeri Sembilan. Beliau kemudiannya mendirikan kerajaan di Siak tahun 1723 bergelar Sultan Abdul Jalil Bahyat Syah dengan mengamalkan adat Minangkabau Padang Pariangan (Kota Piliang).

Pengaruh Raja Kechil ini jelas menguasai Luak-Luak di Negeri Sembilan, sekalipun orang-orang Minangkabau di sini mengamalkan sistem adat yang dibawa dari Bodi Caniago (Adat Perpatih) dan bukannya dari padang Pariangan (Ketumanggungan). Malah apabila Negeri Sembilan menerima Raja Minangkabau perbilangannya disebut:

Beraja ke Johor
Bertali ke Siak
Bertuan ke Minangkabau

Sekalipun diusir dari Johor, namun Raja Kechil masih mengekalkan pengaruhnya ke atas Negeri Sembilan dengan menyebut : BERTALI KE SIAK, disebabkan beliau mendirikan Kerajaan di Siak selepas itu. Logik ini boleh diterima apabila semua penghulu-penghulu luak di Negeri Sembilan mengaku menerima cop mohor Sultan Abdul Jalil, Johor kerana semua Sultan yang memerintah Siak adalah bergelar SULTAN ABDUL JALIL.

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Luak Jelevu dalam catatan sejarah di sini menjelaskan:

"Sekali persetua maka tersebutlah kisah serombongan orang-orang Minangkabau yang menumpu ke Jelevu atau Sungai Lumut dengan kebenaran Maharaja Johor, diketuai oleh Dato' Gombak. Kedatangan mereka mengembangkan dan mengajar waris-waris Biduanda di situ akan perihal adat istiadat dan cara-cara pemerintahan yang didapatinya di Pagar Ruyung, Minangkabau.

Mula-mula mereka mudik Sungai Muar lalu

mendarat di Luak Hulu Muar (Kuala Pilah). Dari sana mereka menyusur mengikut Genting Langkap hingga sampai ke Hulu Kelembang dan keluar di Ulu Sungai Lumut.


Apabila Dato' Gombak ke situ beliau pun mencari penempatan (yakni ketua orang-orang Biduanda di situ). Pada masa itu ketua mereka ialah ANGSA, atau disebut sekarang Moyang Angsa (Moyang ialah generasi di atas daripada nenek). Untuk mendapat tapak penghormatan maka Dato' Gombak pun menyambungkan tali silaturahmi di antara kedua puak iaitu berkahwin dengan Moyang Angsa.

Dengan perkahwinan inilah adat perpatih berkembang menjadi dasar pemerintahan dan tatasusila hidup orang-orang di Jelevu. Mereka juga bersetuju melantik Dato' Gombak mengendalikan pemerintahan menjadi ketua kaum di Jelevu selepas perkahwinan itu. Bagaimanapun hak kuasa pemerintahan tetap dipegang oleh isterinya Moyang Angsa.

Keputusan melantik Dato' Gombak menjadi penghulu atau ketua disampaikan kepada maharaja Johor bagi mendapat pengesahan. Semua To' Batin-To' Batin di Jelevu menerima perlantikan Dato' Gombak menjadi penghulu ini

Fakta sejarah lisan ini boleh diterima menjadi titik tolak permulaan kedatangan orang-orang Minangkabau, sekalipun masih boleh dianalisis sama ada Dato' Gombak datang ke Jelevu masih anak teruna dan Moyang Angsa juga masih gadis. Kalau anak teruna bagaimana Moyang Angsa sudah menjadi ketua pemerintah dalam masa masih lagi anak gadis.

Sekiranya pemilihan ketua pemerintah berdasarkan kepada keturunan, kenapa kakak Moyang Angsa yang bernama Moyang Angut tidak dipilih. Atas sebab-sebab ini fakta sebenarnya penyusunan pemerintahan berlaku selepas persemendaan orang-orang Minangkabau dengan Biduanda. Persemendaan Dato' Gombak dalam terombo di Jelevu seperti berikut:



Susunan ini menunjukkan aturan pemerintahan dengan mewujudkan gelaran Dato' Lembaga adalah atas inisiatif Dato' Gombak. Disebabkan beliau keturunan Minangkabau yang berpengalaman dengan aturan adat sejak di Pagar Ruyung, maka segala sistem pentadbiran mahupun fakta sejarahnya adalah ditentukan oleh kebijaksanaan-nya.

Dato' Gombak melantik anak-anak Moyang Angkut iaitu anak saudara isterinya bernama Genta dan Bata menjadi Dato' Lembaga terkanan. Genta dipilih menjadi Dato' Menteri Sah Mangku Alam, manakala Bata pula diberi gelaran Dato' Ombi Pangkal Maharajalela.

Sekalipun tidak dicatatkan keturunan Moyang Angkut dan Moyang Angsa, tetapi sebagai keluarga dihormati tentulah mereka berasal dari keturunan To' Jelondong dan Jelbu. Oleh itu persemendaan dengan Dato' Gombak memudahkannya mempengaruhi penduduk-penduduk tempatan yang sentiasa menghormati keluarga isterinya itu.

DATO' GOMBAK

Sumber sejarah lisan di Jelevu menyebut Dato' Gombak berasal dari Pagar Ruyung, tetapi tidak dijelaskan sama ada beliau membuat penempatan di tempat lain sebelum berhijrah ke Jelevu. Sejarah kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan, tidaklah terus meneroka perkampungan di wilayah berkenaan. Mereka membuat penempatan terlebih dahulu di Naning dan Rembau.

Perpindahan mereka dijangkakan semakin ketara setelah kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 24hb Ogos, 1511. Ketika dikalahkan ada disebutkan Sultan Mahmud melarikan diri ke Penarikan di Kuala Jempol. Ini menunjukkan wilayah Negeri Sembilan yang belum bernama ketika itu adalah sebahagian daripada pemerintahan kerajaan Melaka.

Tidak juga disebutkan Dato' Gombak membawa orang-orangnya ke Jelevu daripada suku apa. Mereka yang meneroka di Seri Menanti misalnya adalah keturunan suku Tanah Datar dan Seri Lemak. Disebabkan suku Tanah Datar dan terlingkung dalam Pagar Ruyung, tidak barirlah mengapa mereka menjemput raja di Minangkabau menaiki takhta di Seri Menanti.

Kalau Dato' Gemaboh datang ke Jelevu mengikut Laut China masuk ke Sungai Rahang, Dato' Gombak pula dikatakan datang melalui Sungai Muar. Apakah penerokaan Jelevu oleh orang-orang Minangkabau terkemudian daripada Luak Ulu Muar. Disebabkan penerokaan Jelevu mempunyai kaitan dengan pengasas Kelang, orang-orang Minangkabau juga boleh masuk ke Jelevu melalui Sungai Klang.

Mereka boleh mudik ke Gombak terus ke Hulu Langat melalui Broga ke Hulu Sungai Teriang. Batin Seri Alam ayah kepada To' Jelondong juga dikatakan menyusur sungai di Hulu Langat terus ke Sungai Ujong. Malah sekarang pun terdapat satu daerah di Selangor bernama GOMBAK.

Tetapi Dato' Gombak Penghulu Jelevu yang pertama ini mungkin ada kaitan dengan daerah gombak di Selangor. Bagaimanapun sekiranya beliau datang ke Jelevu melalui Ulu Muar tentulah menimbulkan percanggahan fakta dengan sejarah di Ulu Muar kerana orang-orang Minangkabau meneroka luak ini di awal kurun ke 18.

Dato' Gombak ke Jelevu dipercayai lebih awal lagi, kerana cucunya Moyang Salleh menjadi Penghulu Luak di Jelevu pun ada pertengahan kurun ke 18. Malah peristiwa Moyang Salleh memutuskan tali ke Johor dicatatkan berlaku tahun 1757. Tentulah Dato' Gombak tidak akan terus ke Jelevu, sekiranya beliau menemui Ulu Muar lebih awal.

Bagaimanapun penyusunan pentadbiran di Jelevu memang diasaskan oleh Dato' Gombak. Di zaman beliau dilantik pembantu kanannya Dato' Menteri dan Dato' Ombi iaitu anak saudara kepada isterinya Moyang Angsa. Nama BATA sebagai Dato' Ombi pertama itu, agak tidak tepat kerana dalam senarai pemenang pesakanya KESU daripada perut Teriang menjadi Dato' Ombi yang pertama.

Moyang Angkut kakak moyang Angsa itu tidak berkahwin dengan orang Minangkabau. Dengan ini anak-anaknya GENTA dan BATA tidaklah mempunyai hubungan darah dengan keturunan Minangkabau. Sewaktu Dato' Gombak menjadi penghulu dikatakan kawasan yang diterokai ialah di Hulu Teriang hingga ke gunung Hantu di sempadan Pahang.

Mengenai pengaruh Dato' gombak dalam menyusun pentadbiran adat di Jelevu disebutkan melalui satu catatan:

"..... Oleh sebab orang-orang Melayu Minangkabau itu lebih pandai daripada orang Biduanda di sini, akhirnya dapatlah orang-orang Melayu itu persetujuan mereka mengembangkan adat istiadatnya di tempat mereka sehingga ke hari ini, tidak dengan paksa atau peperangan hanya dengan persetujuan, perjanjian dan persemendaan"

Dalam usaha mengukuhkan pengaruhnya Dato' Gombak tidak menggunakan fizikal, tetapi kebijaksanaan. Oleh itu tentulah beliau sudah cukup matang dalam selok belok pentadbiran. Kematangan demikian tentu tidak

dapat dilaksanakan oleh anak teruna yang masih muda. Fakta ini menunjukkan beliau tidaklah mengembangkan adat perpatih sebaik sahaja melalui perkahwinan.

Setidak-tidaknya Dato' Gombak mengambil masa yang lama selepas perkahwinan dengan Moyang Angsa. Malah persemendaan itu berlaku setelah ramai orang-orang Minangkabau meneroka di Jelevu. Mengenai pen-erokan orang-orang Minangkabau di Hulu Teriang masih wujud buktinya sehingga sekarang dengan adanya perkam-pungan orang-orang Minangkabau di Gagu, Hulu Teriang.

DATO' MENTUNGGANG

Melalui perkahwinan Dato' Gombak dengan Moyang Angsa mereka memperolehi dua orang anak per-empuan. Seorang bernama Acheh, dan adiknya bernama Timah. Persemendaan diteruskan dengan orang-orang Minangkabau apabila Acheh berkahwin daripada keturunan Minangkabau juga iaitu Dato' Mentunggang. Selepas Dato' Gombak meninggal dunia, Dato' Mentunggang pula dipersetujui dilantik menjagi Penghulu Jelevu.

Tidak banyak pergolakan berlaku di masa Dato' Men-tunggang menjadi Penghulu Jelevu. Apa lagi ketika ini penduduk belum ramai lagi. Kedatangan orang-orang Minangkabau terkemudian tidak banyak mengubah sistem adat yang sudah ditetapkan oleh Dato' Gombak. Bagaiman-apun di masa Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang pemerintahan tidaklah seratus peratus mengikut adat per-patih.

Susunan teratur mengenai adat perpatih hanya berlaku selepas pembentukan Negeri Sembilan di bawah pemerintahan Raja Melewar sebagai Yamtuan. Perubahan politik ini berlaku sesudah wujudnya persefahaman bagi membentuk persatuan sembilan negeri itu, di mana luak Jelevu diwakili oleh Dato' Moyang Salleh.

Sebab itulah susunan adat di Jelevu dengan per-lantikan Dato'-Dato' Lembaga banyak dibuat semasa Dato' Moyang Salleh menjadi Undang Luak Jelevu. Malah be-liau diterima sebagai Undang Luak Jelevu yang pertama, walhal sebelumnya sudah wujud dua orang penghulu iaitu Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang.

Dalam masa Dato' Mentunggang memang tidak ada sebarang perlantikan Dato'-Dato' Lembaga bagi men-gukuhkan sistem adat perpatih. Kedudukannya sama dengan penghulu-penghulu di wilayah lain di bawah pemerintahan Johor. Apabila mereka dilantik menjadi penghulu hendaklah diberitahu ke istana bagi mendapatkan pengesahan. Hubungan penghulu dengan istana juga ti-daklah secara langsung, kerana setiap perintah istana dis-ampaikan melalui pegawai-pegawai di raja.

Awal kurun ke 18 ini pemerintah di Johor ti-daklah bergelar Maharaja, tetapi Sultan. Hanya bermula tahun 1868 sahaja gelaran Maharaja bagi pemerintah Johor diberikan oleh Inggeris apabila Temenggung Abu Bakar menaiki takhta menggantikan ayahnya Temenggung Tun (Daing) Ibrahim. Bagaimanapun tahun 1885 Maharaja Abu Bakar diberi gelaran Sultan Abu Bakar.

Berdasarkan fakta pemerintahan Johor ini, Dato' Mentunggang menjadi Penghulu Jelevu mungkin dalam masa Sultan Mahmud Shah 11 (atau Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, 1665-1718). Kalau sebelum tahun 1685 atau selepas 1718, tentulah tidak sesuai dengan fakta masa apabila Dato' Moyang Salleh menjadi Penghulu Jelevu itu.

Dalam masa pemerintahan Sultan Mahmud 11 di Johor juga, masalah luak Jelevu tidak diberi perhatian. Ini disebabkan pergolakan di istana menyebabkan penduduk-penduduk di Jelevu menguruskan kehidupan mereka se-hari-hari di bawah kuasa Dato' Mentunggang sahaja. Oleh itu dalam masa Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang, perkara adat perpatih belum penting lagi.

SUKU ORANG MINANGKABAU

Orang-orang Minangkabau yang terawal mener-oka di Jelevu sudah tentulah daripada suku Tanah Datar, Batu Belang dan Mungkal. Berdasarkan kedudukan lapan Dato' Lembaga di Jelevu hanya suku Tanah Datar, Batu Belang dan Mungkal ini sahaja diberi kedudukan penting sebagai ORANG DELAPAN atau LEMBAGA YANG LAPAN. Lima Dato' Lembaga lagi semuanya suku Bid-uanda Waris.

Sementara suku Tiga Batu pula dihapuskan pe-saka lembaganya selepas kedudukan Yamtuan Jelevu dimansuhkan oleh Inggeris. Dengan ini bermakna terdapat empat suku daripada keturunan Minangkabau di Jelevu iaitu: i) Batu Belang, ii) Tanah Datar, iii) Mungkal, dan iv) Tiga Batu.

Suku Batu Belang ini meneroka di Teriang dan Kampung Beringin manakala suku Mungkal pula di Jelevu Tengah, Sawah Liat dan Chepum. Suku Tanah Datar pula ramai di Tembun dan Kuala Klawang, di samping suku Tiga Batu di Ulu Klawang. Berdasarkan fakta orang-orang Minangkabau sewaktu semenda menyemenda itu mener-oka di Hulu Teriang, kemungkinan pula Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang itu daripada suku Batu Belang.

Tiada keterangan mengenai suku kedua-dua Penghulu Jelevu yang terawal ini. Dalam sumber sejarah lisan di Jelevu hanya menyebut Dato' Gombak berasal dari Pagar Ruyung. Sekiranya beliau dikatakan berasal dari

Pagar Ruyung maka kemungkinan pula sukunya ialah Tanah Datar. Tetapi fakta ini tidak boleh diambil kira, kerana bagi penduduk-penduduk Jelevu ketika itu sesiapa sahaja datang dari Minangkabau dikatakan berasal dari Pagar Ruyung.

Sekalipun gelaran Undang Luak Jelevu dimulakan daripada Dato' Moyang Salleh, tetapi sehingga Dato' Syed Ali, Undang Luak Jelevu ke 11 panggilan kepadanya masih lagi Penghulu Luak Jelevu. Dalam perjanjian Jelevu bertarikh September 1886, cap mohor Syed Ali masih lagi disebut Penghulu Luak Jelevu.

Oleh itu pentadbiran Penghulu Luak Jelevu yang bermula sejak Dato' Gombak, adalah permulaan kepada pengiktirafan penduduk-penduduk tempatan terhadap orang Minangkabau. Oleh itu fakta kedatangan orang-orang Minangkabau bersama suku mereka, sepatutnya dikira bermula dari Dato' Gombak ini dan bukannya selepas Dato' Moyang Salleh memutuskan tali ke Johor.

Dengan terdapatnya kubur Dato' Moyang Salleh di Bandar Tinggi kira-kira dua kilometer dari pekan Kuala Klawang, adalah dipercayai beliau bukan berasal dari Hulu Teriang. Apabila beliau merupakan waris berundang daripada perut Ulu Jelevu. Fakta ini boleh diterima bahawa ayahnya Dato' Mentunggang adalah daripada suku Mungkal yang ramai meneroka di Chepum, Jelevu Tengah dan Sawah Liat. Sekiranya fakta ini tidak dicanggah maka jelaslah Dato' Gombak memang daripada suku Batu Belang, manakala Dato' Mentunggang pula daripada suku Mungkal.

Kedudukan Dato' Lembaga yang memegang pesaka tiap-tiap suku di Jelevu mungkin disusun selepas Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang. Ketika mereka menjadi Dato' Penghulu kedudukannya hanya sebagai ketua sebuah wilayah di bawah pemerintahan kerajaan Melayu Johor. Hanya selepas Dato' Moyang Salleh barulah susunan Dato'-Dato' Lembaga dimulakan.

Disebabkan tidak banyak suku-suku keturunan Minangkabau di Jelevu, membuktikan Luak Jelevu dikuasai oleh penduduk tempatan dalam susunan pentadbirannya. Daripada lapan Dato' Lembaga terpenting yang disebut ORANG DELAPAN atau LEMBAGA YANG LAPAN itu, lima daripadanya ialah suku Biduanda yang dibahagikan kepada:

1. Biduanda Waris menteri
2. Biduanda Waris Ombi
3. Biduanda Ulu Jelevu
4. Biduanda Sarin
5. Biduanda Kemin

Lima suku Biduanda ini adalah melalui perse-mendaan dengan orang-orang Minangkabau sahaja. suku Biduanda Waris Menteri dan Biduanda Waris Ombi pula disebut WARIS NEGERI YANG ASAL atau dikenali juga sebagai WARIS YANG DUA. Waris berkenaan ialah keturunan daripada Moyang Angkut iaitu kakak kepada Moyang Angsa yang berkahwin dengan Dato' Gombak keturunan Minangkabau.

Suku Biduanda Waris Menteri dan Biduanda Waris Ombi merupakan suku asal yang tidak bercampur aduk dengan persemendaan dengan orang-orang Minangkabau. Oleh itu kedudukan mereka dikira sebagai 'Waris Negeri Yang Asal'. Sementara tiga lagi suku Biduanda dipanggil WARIS BERUNDANG, iaitu: i) Biduanda Ulu Jelevu, ii) Biduanda Sarin, dan iii) Biduanda Kemin.

Suku berkenaan secara automatik akan menjadi TITIAN ADAT, apabila penyandang pesaka Undang Luak Jelevu daripada perut di suku mereka. Misalnya, kalau Undang Luak Jelevu disandang oleh perut Ulu Jelevu, maka Dato' Lembaga daripada suku Ulu Jelevu akan menjadi 'Titian Adat'. Demikianlah apabila Undang Luak Jelevu disandang oleh perut Sarin atau Kemin.

SEMPADAN LUAK

Sempadan luak Jelevu semasa pemerintahan Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang tidak diketahui, hanya disebutkan di Hulu Teriang hingga ke Gunung Hantu. Ulu Klawang sebelumnya dikatakan di bawah pentadbiran Dato' Kelana Putera Sungai Ujong. Sehingga Dato' Haji Ibrahim, Undang Luak Jelevu ke 10, sempadan kuasanya dikatakan dari Bakong membawa ke Hulu Teriang.

Sekitar pertengahan kurun ke 19 pun berlaku krisis merebut sempadan di antara Undang Luak Jelevu dengan Penghulu Luak Jempol yang dituntut oleh Dato' Hassan termasuk dalam Luak Jempol. Ketika ini Undang Luak Jelevu yang dikerjankan akan dilakukan upacara istiadat kerjan kali kedua di Kampung Bukit di Ulu Jempol itu.

Bagi menghadapi kemungkinan Jempol akan diserang, Penghulu Dato' Hassan telah membina kubu di Kampung Terentang dikenali sebagai 'Kubur Jelevu'. Bagaimanapun Undang Luak Jelevu mengambil langkah positif tidak mahu berperang, sebaliknya mengiktiraf Kampung Bukit menjadi sebahagian daripada Luak Jempol. Berdasarkan fakta Dato' Hassan menjadi Penghulu Luak Jempol sekitar tahun 1830-an, kemungkinan Undang Luak Jelevu ketika itu ialah Dato' Pandak, Undang Luak yang ke 8.

sambungan m. s 16

PENEROKAAN ORANG MINANGKABAU DI LUAK REMBAU.

(oleh: NORHALIM HAJI IBRAHIM)

PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU

Pada sekitar tahun 1515/6 sekumpulan orang Minangkabau telah tiba di Kampung Kotor (kota) menemui Datuk Leteh. Salah seorang dari ahli rombongan itu bergelar Datuk Lela Balang. Berdasarkan kepada gelarnya beliau adalah seorang 'orang bergelar' dari Minangkabau. Datuk Lela Balang, seperti yang akan diuraikan nanti adalah salah seorang dari dua watak penting dalam perkembangan sejarah politik. Khususnya dalam meletakkan batu asas Institusi Undang di Rembau, dan seterusnya memperkukuhkan kedudukan Rembau sebagai sebuah negeri yang berdaulat.

Dalam beberapa aspek, sumber-sumber sejarah Rembau memberikan cerita yang sedikit berlainan mengenai Datuk ini. Pada dasarnya sumber-sumber tersebut dapat dibagikan kepada dua versi, pertama versi Hervey/Mohamad Hasan dan kedua, Parr dan Mackray.

Hervey menyatakan bahawa Datuk Lela Balang datang selepas Datuk Leteh. Beliau berasal dari Batu Hampar bersukukan Caniago. Versi ini tidak menjelaskan sama ada beliau mengetuai sesuatu rombongan atau pun tidak (1884:251). Mohamad Hasan sependapat dengan Hervey tetapi tidak menyatakan nama suku Datuk Lela Balang, sebaliknya menyatakan bahawa Datuk ini berasal dari Batu Hampar Paya Bidara (1885).

Parr dan Mackray tidak menyebut langsung mengenai Datuk Leteh, kepada mereka kumpulan orang Minangkabau yang terawal (the earliest band of immigrants) sampai di Rembau diketuai oleh Datuk Lela Balang (1910:3). Datuk ini berasal dari Batu Hampar (1910:6) tanpa menyatakan sukunya. Terombo tulisan tangan yang terbaru (Bakin, 1962) juga selari dengan versi Parr dan Mackray tetapi menambah beberapa fakta lain. Terombo ini menceritakan Datuk Lela Balang itu "datang dari Pagarruyung" dan beliau datang bersama dengan batin Pak Tinjau dan isterinya, Mak Inan. Sebelum ke kampung kota Rembau mereka terlebih dahulu telah pergi ke Sungai Barat di Johor.

Dari huraian diatas, walaupun terdapat sedikit kelainan, fakta dasarnya tetap sama, iaitu Datuk Lela Balang itu datang dari Minangkabau dan telah pergi atau menepat ke kampung Kota. Kesemua sumber itu juga bersetuju mengenai tempat asal Datuk ini, iaitu Batu Hampar, melainkan Mohamad Hasan yang menambah "Batu Hampar Paya Bidara".

Rombongan Datuk Lela Balang adalah orang-orang dari Batu Hampar dan Mungkal (Parr dan Mackray, 1910:6). Orang-orang Batu Hampar telah bergabung dengan orang-orang Batu Hampar pengikut Datuk Leteh. Mereka telah meneroka kawasan paya dan sekitarnya dikiri kanan tebing sungai Penajis. Perkampungan baru ini terletak dibahagian hilir kawasan Penajis Hulu yang telah dibuka oleh pengikut Datuk Leteh. Petempatan orang-orang Datuk Lela Balang tersebut, hari ini dikenali sebagai Penajis Hilir.

Pengikut Datuk Lela Balang yang lain, orang dari Mungkal telah meneroka kawasan dibahagian hulu kampung kota, iaitu disekitar kawasan dimana pernah terdapat pokok merbau yang memberi nama Rembau (Merbau Tua). Hari ini perkampungan orang Mungkal, terletak di kawasan yang dikenali sebagai kampung Api-Api.

Datuk Lela Balang sendiri tidak berpindah bersama atau tidak meneroka bersama dengan orang Batu Hampar yang mengiringinya. Beliau terus tinggal di kampung Kota bersama dengan Datuk Leteh. Ada beberapa kemungkinan yang menyebabkan Datuk Lela Balang tidak (atau tidak diizinkan oleh Datuk Leteh) berpindah. Pertama kerana semasa Datuk Lela Balang sampai, Datuk Leteh sedang mencari jodoh untuk Datuk Bungkal, anak angkatnya (Hervey, 1884: 251), yang pada ketika itu telah agak berumur (lebih kurang 19 tahun). Keduanya mungkin disebabkan oleh statusnya sebagai 'orang bergelar' dan 'se kampung' pula dengan Datuk Leteh.

PERKAHWINAN

Atas persetujuan ke dua belah pihak, Datuk Lela Balang telah dikahwinkan dengan Datuk Bungkal, disekitar

tahun 1516. Selepas berkahwin, kawasan kampung Kota itu telah dibagi dua antara Datuk Lela Balang dengan Datuk leteh. Datuk Lela Balang telah mendapat "sebelah kiri mudik" dan Datuk Leteh mendapat "sebelah kanan mudik" kawasan kampung Kota. Petempatan yang diambil oleh Datuk Leteh itu diberi nama Kampung Perah kerana dikawasan itu terdapat banyak pokok perah (Elatario-spermum tapos) (Mohamad Hasan, 1885).

Perkahwinan Datuk Lela Balang dengan Datuk Bungkal ini telah menghasilkan lima orang anak, empat orang perempuan dan seorang lelaki. Anak-anak perempuannya bernama Datuk Pandung, Datuk Siti, Datuk Lijah dan Datuk Nakraman. Anak lelaki mereka, mungkin anak bongsu, bernama Si Rama. (Bakin 1962).

Mengikut Parr dan Mackray, Datuk Lela Balang telah datang bersama seorang lagi orang bergelar Minangkabau yakni Datuk Laut Dalam. Datuk terakhir ini adalah juga seorang ketua dan mempunyai pengikut. Semasa berhijrah pengikut-pengikut kedua Datuk ini telah bergabung sebagai satu kumpulan. Kedua-kedua orang Datuk itu pula telah bertindak sebagai ketua bersama. Gabungan tenaga dan kerjasama diantara dua Datuk ini, dan bukan atas dasar seorang mengatasi yang lain, jelas dinyatakan melalui kalimat-kalimat 'brother chief' (1910:3) dan 'joint leader' (1910:6). Tegasnya dari segi status kedua Datuk ini sama taraf.

Berkaitan dengan perkara ini, Abas Hj. Ali semasa menterjemahkan karya Parr dan Mackray telah membuat kesilapan fakta, yang mungkin disengajakan atau mungkin tidak. Kata Abas:

Adapun akan angkatan Minangkabau yang pertama itu masuk ke Rembau ialah memudiki Sungai Rembau. Mereka membuka dua daerah disebelah baruh iaitu, mula-mula sekali Tuk Lela Balang dengan orang-orang yang mengiringi membuka kota; setelah itu diikuti oleh saudaranya, Tuk Laut Dalam, lalu membuka Padang Lekok p u l a b e r s a m a d e n g a n o r a n g - o r a n g n y a.....

(1953:4; penekanan adalah penulis)

Kata-kata penting yang harus diambil perhatian dalam petikan diatas ialah, "mula-mula sekali", "setelah itu diikuti" dan "Saudaranya".

Selain dari Abas, Abdullah Hj. Dahan, Datuk Sedia Raja Undang Luak Rembau ke 18 (1922-1939) telah juga menterjemahkan karya Parr dan Mackray ini. Terjemahan Abdullah ke atas bahagian yang sama berbunyi:

..... Dengan belayar mudik di Sungai Rembau maka masukkan daripada mereka-mereka yang datang terlebih dahulu itu pun lalulah membuka mereka itu akan dua tempat kedudukan didalam jajahan yang disebelah baruh di Kota di bawah Tuk Lela Balang dan di Padang

Lekok di bawah pimpinan ketuaan saudaranya Tuk Laut Dalam.

(1923:11-12. Penekanan adalah penulis)

Jikalau dibandingkan terjemahan Abdullah dengan Abas terdapat perbezaan maksud, khususnya pada maksud kata-kata yang diberi penekanan. Teks asal bahagian berkenaan ini berbunyi:

Sailing up the Rembau river the earliest band of immigrant planted two settlements in the low country (Tanah Sebelah Baroh) at Kota under Tuk Lela Balang, and at Padang Lekok under his brother chief, Tuk Laut Dalam. (Parr dan Mackray, 1910:3. Penekanan adalah penulis)

Kekeliruan (?) atau kesilapan terjemahan yang berlaku berkaitan dengan para berkenaan ini dapat dibagi dua. Pertama adalah mengenai masa pembukaan dua buah kampung yang berkaitan. Teks Parr dan Mackray dengan jelas menyatakan pembukaan Kota dan Padang Lekok adalah serentak atau dalam jangka masa lebih kurang sama. Abdullah, dengan menggunakan kata hubungan 'dan' iaitu terjemahkan kata 'and', juga memberikan maksud yang sama seperti teks asal. Tetapi abas, dengan menggunakan kalimat 'mula-mula sekali' dan kemudian dikuatkan lagi dengan kalimat "setelah itu diikuti" bagi menterjemahkan kata 'and' telah membagikan masa pembukaan dua buah kampung itu kepada dua tarikh tertentu: iaitu Kota telah dibuka terlebih dahulu; selepas itu baru dibuka kampung Padang Lekok. Pernyataan Abas ini boleh memungkinkan pembaca berkesimpulan bahawa antara dua Datuk tersebut, Datuk Lela Balang lebih dahulu sampai dari Datuk Laut Dalam.

Kesilapan kedua adalah berkaitan dengan perhubungan antara Datuk Lela Balang dengan Datuk Laut Dalam. Berbanding dengan kesilapan pertama tadi kesilapan ini adalah lebih bahaya kerana secara tidak langsung ianya berkait dengan institusi Undang Rembau.

KEKELIRUAN

Punca kesilapan ini adalah dari salah faham mengenai konsep 'his brother chief'. Apa yang dimaksudkan oleh Parr dan Mackray ialah kawan-kawan atau sahabat yang sama taraf dan mempunyai kepentingan bersama sebagai anggota perkumpulan dan rombongan yang sama. Dalam konteks ini kedua orang Datuk itu adalah rakan sedarjat kedudukan perhubungan ini dijelaskan lagi dengan kalimat 'joint leader' dibahagian terkemudian (1910:6). Abdullah telah menterjemahkan istilah tersebut secara langsung iaitu 'ketuaan' (chief) 'saudara' (brother). Penggunaan kata 'ketuaan' agak mengelirukan dan tidak jelas maksudnya. Ketuaan disini boleh dimaksudkan Datuk Laut Dalam lebih tua dari Datuk Lela Balang; dan memberikan penekanan wujudnya hubungan kekeluargaan (sama ada melalui darah atau perkahwinan) antara kedua datuk berkenaan. Abas yang telah menggunakan naskhah

Abdullah sebagai panduan masa menterjemahkan telah, mungkin tidak pasti konsep 'ketuaan', telah menghilangkan-nya dan mengekalkan 'saudaranya'.

Penggunaan istilah saudaranya ini telah lebih mengelirukan, kerana sebagai dikatakan diatas tadi ia membawa maksud hubungan kekeluargaan. Abdul Samad Idris, yang mungkin telah menggunakan buku Abas ini sebagai panduan semasa menulis sejarah Rembau telah membesarkan lagi kesilapan ini dengan mengatakan bahawa Datuk Laut Dalam itu adalah adik Datuk Lela Balang (1968:167). Kesilapan ini berterusan sehingga mahasiswa universiti yang membuat kajian mengenai sejarah Rembau juga menyatakan kedua orang Datuk tersebut adalah adik beradik.

Kalau diteliti penulisan dan teromba mengenai sejarah Rembau antara kedua Datuk ini tidak ada hubungan kekeluargaan. Mereka datang dari tempat yang berlainan. Datuk Lela Balang, seperti dinyatakan diatas berasal dari Batu Hampar, sedangkan Datuk Laut Dalam datang dari Paya Kumbuh (Parr dan Mackray, 1910:6). Terombo lain (Bakin 1962) dan juga Hervey tidak menyebut mengenai tempat asal Datuk Lela Balang.

Ada dua sumber sahaja yang menyentuh mengenai kedatangan Datuk Laut Dalam ini. Pertamanya ialah Parr dan Mackray seperti yang telah dibincangkan diatas. Sumber yang lagi satu ialah terombo Bakin. Terombo ini agak berlainan pendapat dari Parr dan Mackray. Bakin, semasa menceritakan mengenai kedatangan Datuk-Datuk ini berkata:

..... Mula-mula datang dari negeri Pagarruyung itu Datuk Lela Balang yang dahulu yang dibawanya Batin Pak Tinjau, perempuannya Mak Inan mendapat ke Johor diam di Sungai Barat. Habis itu masuk Rembau pula Datuk Laut Dalam masuk Legung, Padang Lekok

Dari petikan di atas jelas bahawa Datuk Lela Balang telah sampai ke Rembau lebih dahulu. Fakta ini terbayang dalam kata-kata 'mula-mula datang' dan 'Datuk Lela Balang yang dahulu'. Selanjutnya terombo ini menyatakan Datuk Lela Balang tidak langsung ke Rembau melainkan telah ke sungai Barat Johor terlebih dahulu kerana menghantar Batin Pak Tinjau dan isterinya yang datang bersamanya. Datuk Laut Dalam tiba di Rembau hanya selepas Datuk Lela Balang sampai ke Rembau. Kata-kata 'Habis itu' dalam petikan diatas bermaksud Datuk Lela Balang telah habis menyelesaikan pekerjaan atau tanggungjawabnya, iaitu menghantar Batin Pak Tinjau ke Sungai Barat.

Kedua-dua sumber, walaupun berbeza pendapat mengenai masa kedatangan Datuk Laut Dalam, selari mengenai perkampungan yang dibukanya, iaitu Kampung Padang Lekok.

Parr dan Mackray juga telah menyebut tempat asal pengikut Datuk Laut Dalam. Pengikutnya datang dari Paya Kumbuh, iaitu tempat asal Datuk Laut Dalam sendiri dan Tiga nenek. Rombongan Datuk ini telah membuka tiga buah perkampungan baru. Orang-orang Paya Kumbuh telah berpecah dua, sebahagian membuka Padang Lekok, bersama Datuk Laut Dalam dan yang lain membuka Kampung Paya Kumbuh. Orang-orang dari Tiga Nenek pula telah meneroka petempatan di kampung Tiga Nenek. Ketiga-tiga kampung ini sekarang terletak dalam Mukim Legung Ulu, dikiri kanan Sungai Rembau.

Semasa Datuk Laut Dalam sampai ke Rembau beliau telah beristerikan seorang perempuan Jawa. Semua sumber sejarah Rembau adalah sekata mengenai perkara ini. Hasil dari perkahwinan itu mereka telah mendapat 4 orang anak perempuan, iaitu yang sulung bernama Datuk Sitimah, diikuti oleh Datuk Syamsiah, Datuk Natimah dan yang bongsu Datuk Samadidi. Anak Datuk Laut Dalam yang sulung Sitimah telah dikahwinkan dengan Si Rama, anak Datuk Lela Balang pada atau setahun dua selepas tahun 1540. Si Rama telah dilahirkan di Rembau dan pada sekitar tahun berkenaan ia dianggarkan berumur 16 tahun. Umur Sitimah seharusnya, mengikut kelaziman, lebih muda dari ataupun seumur dengan Si Rama. Datuk Laut Dalam, seperti yang dinyatakan di atas datang bersama atau selepas Datuk Lela Balang. Justeru itu besar kemungkinan Siti-mah telah dilahirkan di Kampung Padang Lekok, Rembau.

Beberapa tahun selepas ketibaan Datuk Lela Balang mengikut Parr dan Mackray datang pula satu rombongan lagi dari Sumatra (1910:3). Rombongan ini telah diketuai bersama oleh empat orang Datuk. Setiap datuk ini diiringi oleh orang-orang yang setempat dengannya. Datuk-datuk tersebut adalah Datuk Budi dari Sri Melenggang, Datuk Laut Dalam dari Paya Kumbuh, Datuk Baginda Putera dari Batu Belang dan Datuk Putih dari Sri Lemak. Mereka, setelah memudiki Sungai Penajis telah memasuki Sungai Mampong dan mudik lagi ke hulu sehingga sampai ke kawasan dimana Sungai Mampong berpecah dua, satu menghala ke utara, Sungai Batu Hampar dan sebatang lagi menghala ke timur, Sungai Tanjung Kling.

Apabila sampai di kawasan pertemuan dua sungai ini, kumpulan ini telah berpecah. Datuk Budi dan orang-orangnya telah terus lagi ke utara, mengikut sungai batu Hampar. Mereka akhirnya membuat petempatan di kawasan yang terletak ditebing timur sungai Batu Hampar

dan membuka perkampungan yang dikenali sebagai Kampung Batu Hampar sekarang. Datuk Laut Dalam serta rombongannya telah memudiki Sungai Tanjung Kling dan masuk pula ke Sungai Layang dan membuat perkampungan di kawasan kampung Sungai Layang hari ini. Kumpulan Datuk Baginda Putera pula telah membuka kawasan Bintongan sekarang yang terletak seberang paya (sekarang kawasan sawah padi yang telah kering) arah ke utara dari Kampung Sungai Layang. Datuk Putih pula telah mudik lagi ke hulu dan membuka petempatan di Lubuk Rusa (Parr dan Mackray, 1910:8), iaitu dikawasan kampung Selemak Hulu sekarang.

Hervey, apabila membicarakan mengenai rombongan terakhir ini agak berbeza pendapat dengan Parr dan Mackray. Beliau menyatakan rombongan tersebut diketuai oleh tiga orang datuk iaitu Datuk Laut (mengikut Parr dan Mackray, Datuk Laut Dalam) dari Paya Kumbuh, Datuk Putih dari Sri Lemak dan Datuk Inda Putra (Datuk Baginda Putra mengikut Parr dan Mackray) berasal dari Batu Belang. Kawasan-kawasan yang mereka buka adalah sama seperti kenyataan Parr dan Mackray, iaitu Sungai Layang, Lubuk Rusa dan Bintongan (1884:254), secara berturutan. Datuk bertiga ini, mengikut Hervey telah memperakui hak keatas kawasan dari hilir sungai dimana sungai berkenaan bersatu dengan Sungai Batu Hampar/ Sungai Mampong sehingga ke kawasan petempatan mereka. Tegasnya mereka menuntut hak ke atas seluruh lembah antara sungai Batu Hampar dan Sungai Layang.

Selanjutnya Hervey menyatakan, dikala datuk-datuk berkenaan dan orang-orangnya membersihkan hutan mereka telah mendengar bunyi pokok-pokok tumbang. Apabila disiasat mereka mendapati seorang datuk, bergelar Datuk Kepala Putih (mungkin Datuk budi mengikut laporan Parr dan Mackray) sedang membersihkan hutan dikawasan tersebut. Penempatan yang dibuka oleh Datuk Putih Kepala dan orang-orangnya kemudian dikenali sebagai Batu Hampar.

Kehadiran dan perbuatan Datuk Putih Kepala membuka kawasan dibahagian hilir (Sungai Layang) itu telah menimbulkan pertelingkahan antaranya dengan tiga orang datuk yang lain tersebut. Mengikut Hervey, semasa pertelingkahan itu, Datuk Kepala Putih, dalam memperkukuhkan tuntutan telah memberitahu datuk-datuk yang lain bahawa beliau telah mendapat izin dan restu dari Sultan Johor untuk berbuat sedemikian (1884:8). Walaupun tidak berlaku peperangan namun di kedua kumpulan berkenaan telah wujud perselisihan faham yang berlarutan untuk beberapa tahun kemudian.

Parr dan Mackray memberikan gambaran yang berlainan mengenai peristiwa pembukaan Batu Hampar oleh Datuk Budi (Datuk Putih Kepala mengikut Hervey). Mereka tidak melaporkan mengenai konflik kawasan diantara ke empat orang datuk tersebut. Datuk Budi telah bersama membuka kawasan di kaki bukit di sepanjang lembah Sungai Layang. Setelah tiga orang datuk Datuk

itu mendapat tempat, Datuk budi telah meninggalkan mereka, dan menghiliri Sungai Layang dan kemudian memudiki pula Sungai Batu Hampar. Datuk Budi telah membuka petempatan di suatu kawasan yang terletak di bahagian timur (kanan) tebing sungai Batu Hampar berhampiran dengan Tanjung Sena. Kawasan tersebut dipanggil Batu Hampar. Parr dan Mackray tidak menyatakan sebab mengapa Datuk Budi berpindah membuat perkampungan ditempat yang lain dari tiga orang datuk berkenaan.

Dari huraian diatas nyatalah mengikut Hervey ada rombongan yang membuka kawasan disekitar lembah antara Sungai Batu Hampar dan Sungai Layang. Satu kumpulan diketuai oleh Datuk Putih Kepala dan satu lagi diketuai bersama oleh tiga orang datuk. Hervey tidak menjelaskan yang mana satu diantara dua kumpulan ini yang datang terlebih dahulu. Selain dari itu terdapat juga bertelingkahan mengenai nama-nama atau gelaran-gelaran datuk yang berkenaan seperti yang diperlihatkan diatas tadi.

Disamping perbezaan terdapat pula beberapa persamaan. Pertamanya kedua sumber bersetuju bahawa rombongan ini datang ke Rembau selepas ketibaan Datuk Lela Balang dan Datuk Laut Dalam. Kedua, walaupun terdapat perbezaan nama-nama datuk tersebut, namun kedua-dua sumber sekata mengenai nama-nama tempat dan kawasan yang dibuka. Ketiga, Hervey dan Parr dan Mackray sependapat mengatakan bahawa rombongan ini adalah kumpulan orang Minangkabau yang terawal meneroka kawasan yang terlebih ke hulu atau darat (utara) negeri Rembau.

Suatu perkara yang patut diambil perhatian disini ialah laporan Hervey mengenai kenyataan Datuk Putih Kepala semasa menyatakan hak ke atas kawasan yang dibukanya. Beliau telah menghujah bahawa sebelum membuka kawasan tersebut (atau dengan kata lain, sebelum memasuki Rembau), beliau telah mendapat izin terlebih dahulu dari Sultan Johor (1884:8). Kenyataan ini, secara tidak langsung, membayangkan kepada kita bahawa pada ketibaannya itu, institusi Penghulu atau Undang Rembau belum wujud lagi. Oleh yang demikian, beliau harus memohon izin Sultan Johor yang dianggap sebagai menaungi Rembau ketika itu. Institusi Penghulu atau Undang Rembau telah diwujudkan disekitar tahun 1540. Justeru itu dapatlah dianggarkan bahawa rombongan datuk-datuk ini telah tiba sebelum tahun 1540 dan selepas tahun 1516.

Datuk-datuk ini seperti juga pendatang Minangkabau yang telah menetap di sepanjang Sungai Penajis dan Sungai Rembau telah menamakan suku-suku mereka mengikut nama-nama tempat asal mereka di Sumatra. Dengan itu wujudlah empat buah suku terawal di kawasan hulu Sungai Penajis. Suku-suku tersebut adalah:

(1) Suku Sri Melenggang dibawah pimpinan Datuk Budi (mengikut Hervey, Datuk Putih Kepala. Keturunan Datuk ini kemudian menjadi ketua atau Lembaga suku Sri Melenggang dengan gelaran Datuk Mandelika.

(2) Suku Paya Kumbuh dengan Datuk Laut Dalam (Datuk Laut mengikut Hervey) sebagai ketua. Keturunan datuk ini menjadi Lembaga suku berkenaan dengan gelaran Datuk Sri Maharaja. (Hervey menyebutnya sebagai Datuk Si Maharaja).

(3) Suku Batu Belang yang ditadbirkan oleh Datuk Baginda Putra (Datuk Inda Putra mengikut Hervey, dan Datuk Givida Putera mengikut Bakin). Keturunan Datuk ini bergelar Datuk Andika telah menjadi ketua atau Lembaga suku berkenaan.

(4) Suku Sri Lemak dibawah pimpinan Datuk Putih. Keturunan datuk ini telah dilantik menjadi Lembaga suku ini dengan bergelar Datuk Sinda Maharaja.

Sejak itu semakin ramai orang Minangkabau yang datang ke Rembau. Kebanyakan dari mereka adalah berasal dari tujuh tempat yang telah disebutkan diatas iaitu Batu Hampar, Paya Kumbuh, Tiga Nenek, Mungkal, Sri Lemak, Batu Belang dan Sri Melenggang). Orang-orang dari Paya Kumbuh, apabila sampai ke Rembau telah berpecah dua. Satu kumpulan, mungkin orang-orang yang bertalian dengan Datuk Laut Dalam (expedisi pertama) atau dengan pengikutnya telah menetap disekitar kawasan Sungai Rembau di Mukim Legung sekarang. Kumpulan yang lagi satu telah mudik Sungai Penajis dan ke hulu lagi, dan membuat petempatan dikawasan Sungai Layang.

Dari huraian diatas dan bab sebelum ini, dari segi masa, terdapat dua corak penghijrahan orang-orang Minangkabau.

(1) Penghijrah awal, mungkin bermula sejak abad ke 12 sehingga keakhir abad ke 14, datang dalam kumpulan kecil. Kedatangan mereka adalah berdasarkan musim. Petempatan yang mereka buat adalah petempatan sementara, justeru itu walaupun telah melalui masa yang lama, bilangan mereka yang kekal tinggal di Rembau tidak ramai.

(2) Mulai dari abad ke 15 dan seterusnya pula penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Rembau telah berubah. Mereka datang bukan lagi untuk berdagang yang bermakna petempatan sementara, tetapi untuk meneroka

kawasan baru iaitu membuat perkampungan kekal. Mereka masih datang dalam kumpulan-kumpulan kecil tetapi kedatangan mereka adalah lebih kerap. Dengan itu pada perkiraan akhir, bilangan orang-orang Minangkabau yang menetap di Rembau adalah lebih ramai walaupun dalam tempoh masa yang singkat berbanding dengan corak penghijrahan sebelum itu. Di samping itu, kumpulan-kumpulan ini datang bersama atau diketuai oleh beberapa orang pembesar adat yang bergelar.

Dari segi penempatan yang mereka buka pula, perantau Minangkabau ini, secara am dapat dipecahkan kepada kelompok.

(1) Sehingga tahun-tahun awal abad ke 16, penempatan mereka adalah pada kawasan dibahagian selatan (baruh) Rembau.

Kawasan penempatan dibahagian ini juga, jika berdasarkan masa boleh dibagikan kepada dua kawasan:

(a) Penghijrah yang datang ke Rembau sebelum akhir abad 15 ramai yang membuat petempatan dikiri kanan tebing Sungai Penajis iaitu diantara Kampung Penajis hingga ke Lembah dimana sungai tersebut berpecah dua, satu menjadi Sungai Mampong dan satu lagi Sungai Chengkau sekarang. Kawasan yang menjadi pusat tumpuan mereka adalah Kampung Relong.

(b) Mereka yang datang dalam tahun-tahun awal abad yang ke 16 telah mengelompok ke kawasan dikiri kanan tebing Sungai Rembau yang terletak di mukim Gadong Ulu sehingga ke kawasan kaki bukit dibahagian hulu Sungai Rembau iaitu dalam Mukim Gadong sekarang. Pusat penempatan kumpulan ini adalah di sekitar kawasan kampung Kota.

(2) Kumpulan penghijrah yang datang disekitar tahun-tahun akhir suku pertama abad ke 16 (1512-1525) telah membuka kawasan yang lebih ke hulu (darat) lagi. Mereka telah meneroka lembah dimana Sungai Mampong berpecah dua menjadi Sungai Batu Hampar dan Sungai Layang. Di kawasan utara ini pemusatan perkampungan mereka adalah kepada dua kawasan iaitu di kiri kanan tebing Sungai Layang dan Sungai Batu Hampar.

Kedatangan dan pembukaan kawasan-kawasan baru oleh penghijrah-penghijrah Minangkabau tidak terhenti di abad yang dinyatakan di atas. Ianya berterusan seperti yang dinyatakan nanti sehingga ke abad 20. Namun, selepas pertengahan abad ke 16 tersebut, peneroka tidak lagi datang dari Sumatra sahaja tetapi dari tempat-tempat

lain termasuk Johor, Melaka dan juga Naning. Kawasan yang mereka buka juga tidak lagi terhad di sekitar kawasan tebing-tebing Sungai Rembau, Sungai Penajis, Sungai Mampong dan Sungai Batu Hampar sehingga kekawasan Kaki bukit yang menjadi tembok pemisah antara Rembau dan Sri Menanti (Kawasan Ulu Sepri sekarang) tetapi juga kawasan disepanjang Sungai Pedas sehingga ke kawasan Pekan Pedas sekarang, terutama sekali di kawasan Pilin dan Durian Daun.

Notakaki

(Pembukaan Perkampungan Orang Minangkabau)

1. Besar kemungkinan versi Hervey ini adalah gabungan beberapa buah terombo yang diperolehinya disekitar tahun 1883/4. Salah satu dari terombo tersebut adalah kepunyaan Mohamad Hasan, Datuk Bandar Rembau yang bertajuk: "Cerita Nenek Moyang Kerbau dan Selesilah Rembau".

2. Versi bertulis Mohamad Hasan yang digunakan dalam perbincangan disini adalah versi yang telah dirumikan oleh Resident Councillor Inggeris bertarikh 1885. Terombo ini, seperti yang tercatat dibahagian akhirnya adalah "diambil daripada Datuk Langsa Tua" (Datuk Lela Wangsa, Lembaga Suku Anak Acheh Baroh) yang "memerintah tatkala masa Datuk Penghulu Bagok" (1812-1819) "sehingga sampai kepada Penghulu Haji Sahil" (1871-1883), "dan sekarang ini", (1884/5) "sekadar boleh berjalan ke sungai".

3. Versi Parr dan Mackray ini adalah versi sering menjadi rujukan mengenai adat dan sejarah Rembau. Bahagian akhir terombo Bakin bin Jata (lihat notakaki 4 di bawah) juga berpandukan tulisan ini (lihat juga notakaki 14 dalam Bab IV di atas).

4. Terombo ini bertajuk "Undang Melayu Adat Negeri". Bakin bin Jata adalah Duka Juan, waris Biduanda Tebat. Terombo ini terbagi tiga. Bahagian pertama adalah berkaitan dengan kisah asal usul Adat Perpatih. Bahagian ini diuraikan oleh Datuk Gempa Ahmad Bongkok.

Bahagian kedua adalah berkaitan dengan cerita zaman Jakun dan kedatangan Orang Minangkabau serta munculnya waris Biduanda Jakun dan Jawa. Bahagian ini diambil dari Datuk Setia Maharaja, Pedas. Bahagian akhir adalah bahagian terbaru yang memuatkan perkembangan sejarah politik adat, terutama yang berkaitan dengan waris Tebat. Oleh sebab tarikh terakhir yang tercatat adalah perlantikan Undang Rembau yang ke 20, Datuk Setia Raja Haji Adnan, pada 19.1.1962, besar kemungkinan ia ditulis di sekitar tahun tersebut, oleh Duka Juan Bakin atau warisnya. Bahagian akhir ini banyak berpandukan kepada tulisan Parr dan Mackray, atau lebih tepat, berpandukan terjemahannya yang diusahakan oleh Abas Hj. Ali (1953). Keseluruhan terombo ini ditulis menggunakan tulisan jawi dalam buku latihan untuk murid sekolah.

5. Jikalau peristiwa ini berlaku dibahagian akhir tahun 1520-an Sungai barat ini mungkin bermaksud Sungai Sayong, kerana pada ketika itu Salah satu pusat kerajaan Johor terletak di Sungai Sayong. Kerajaan Johor (Keturunan dinasti Melaka) pada ketika itu adalah dalam buruan. Pusat kerajaannya sering berubah, sehingga tahun 1540 baru kekal di Johor lama (akan dibincangkan nanti).

6. Mengikut Hervey tempat-tempat seperti Mandiling, Caniago, Paya Bidara dan Pagar Cincang adalah sebahagian atau cawangan (branches) Batu Hampar (1884:251).

7. Hervey tidak menyebut mengenai anak-anak perempuan Datuk lela Balang. Beliau hanya menyata pasangan ini mempunyai seorang anak lelaki (1884:251). Parr dan Mackray menyebut mengenai anak perempuan pasangan ini dalam notakaki (1910:4), tetapi tidak menyebut nama-nama mereka. Mohamad Hasan (1885) tidak menyebut langsung mengenai anak Datuk Lela Balang kerana terombo ini berakhir dengan peristiwa perkahwinan mereka. Bakin (1962) telah mensenaraikan nama-nama mereka.

8. Hervey memberikan nama ini sebagai Lela Maharaja ("whom he named Lela Maharaja") dan bukannya Si Rama (1884:251). Parr dan Mackray serta Bakin menyatakan Lela Maharaja itu adalah gelaran yang diberi oleh Sultan Johor apabila ia menjadi atau dilantik menjadi Penghulu/Undang Rembau pada tahun 1540 (1910:4).

(9) Sebagai contoh lihat kajian Izham bin Abdul Aziz (1973/74), katanya "Datuk Lela Balang mempunyai seorang adik bernama Datuk Laut Dalam" (1973/74:12).

* * *

Adat bersandi syarak
syarak bersandi Kitabullah
syarak mengato adat memakai
camin nan tidak kabue
palito nan tidak padam

Gantang di bodi Caniago
cupak dijadikan kasukatan
adat memakai syarak mengato
ujuik satu berlainan jalan.

MUSTIKA ADAT

Tanggungjawab:

Seseorang yang berbudi halus dan tinggi adalah tempat meletakkan tanggungjawab di dalam adat perpatih. Pada dasarnya tanggungjawab itu ada tiga.

1. Tanggungjawab terhadap nenek moyang yang mewariskan sesuatu dan yang diwariskan itu perlu dipelihara serta dikembangkan.
2. Tanggungjawab terhadap diri sendiri dan sesama masyarakat dalam pergaulan hidup, iaitu dengan melaksanakan sebaik-baiknya hidup seseorang dengan kehidupan bersama.
3. Tanggungjawab terhadap keturunan, iaitu generasi yang akan datang agar mereka dapat mewarisi nilai-nilai segala sesuatu yang dapat mereka syukuri.
- 1.1 Kewajipan terhadap nenek moyang, berupa memelihara dan menambah sesuatu yang di pusakai dari mereka serta mengamalkan nilai-nilai yang telah diusahakan mereka untuk mengatur adat perpatih.

Kata adat:

Soko turun temurun
pusako jawek-berjawek
waris dijawek
pusako ditolong.

* *

Imanat kalau tidak dipegang
ke atas tidak berpucuk
ke bawah tidak berakar
di tengah digirik kumbang
bagai kerakok tumbuh di batu
hidup segan mati tak mahu.

- 2.1. Kewajipan terhadap diri dan masyarakat adalah berdasarkan kenyataan. Bertitik tolak kepada usaha nyata. Waktu itu tidak boleh diabaikan.

Kata adat:

Duduk meraut ranjau
tegak meninjau jarak
hari sehari dipertiga
malam semalam diperampat
nan kini bukan baesok
nan kini bukan kemarin

Yang harus diusahakan hendaklah menurut alur dan patut:-

Mencari kata muafakat
menambah mana yang kurang
membilai mana yang senteng
mengulas mana yang pendek
menjinaki mana yang liar
merapatkan mana yang renggang
menyelesaikan mana yang kusut
menyisip mana yang bocor
melantai mana yang lapuk
membaharui mana yang usang.

- 3.1. Kewajipan terhadap keturunan yang akan datang menurut adat ialah bagaimana menjawatkan waris dan menolong pusako serta mengembangkan waris nan berjawek itu kepada generasi akan datang.

Waris berjawek
pusako bertolong.

* *

Jalan jangan dialih orang lalu
cupak jangan dipapek orang dagang
dek rancak kilek loyang datang
lupa dek ameh urai nan asli
ukur jo jangka kok tak tarang
susunan nenek moyang kito
dek rancak kilek loyang datang
intan disangko kilek kaco.

Rujukan: Rangkaian Mustika Adat
H. Idrus Hakimy

PENCERAIAN SUAMI ISTERI MENGIKUT ADAT PERPATIH

(Oleh Penulis Budaya)

Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan kaya dengan adat-istiadat yang hormurni di amalkan dalam hidup mereka kuat mengamalkan adat perpatih masa dahulu tapi kini keadaannya banyak berubah.

Perceraian suami isteri mempunyai adab dan tata tertib yang sesuai dan wajar. Dalam Islam juga dibenarkan perceraian setelah pasangan terbabit tidak lagi sehaluan. Bagaimanapun dalam adat perpatih dan juga agama Islam perceraian adalah tidak digalakkan. Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh mestilah dijalankan lebih dahulu bagi menghalang berlakunya perceraian itu. Tetapi kalau tidak berjaya maka jalan penyelesaiannya ialah perceraian.

Dalam adat perpatih seorang suami yang mahu menceraikan isterinya hendaklah mengikut tata tertib perceraian ini.

Di sebabkan jodoh pertemuan ditentukan Allah sudah tentulah pula ada perceraian. Dalam perbilangan disebut. "Ada pertemuan dinikahi, habis pertemuan dicerai-kan".

Terdapat dua jenis perceraian iaitu bercerai hidup dan bercerai mati.

Cerai Hidup. Dalam adat perpatih apabila suami isteri menghadapi keretakan rumah tangga dan suami bercadang hendak menceraikan isterinya, si suami akan menjemput orang seresam (semenda), orang tempat semenda dan ipar-lamai dalam suatu istiadat yang dipanggilkan 'Bersuarang'. Si suami akan mengadakan kenduri kecil untuk menyampaikan rasa tidak puas hati dan hasratnya kepada keluarga isterinya dengan menuturkan;

"saya hendak memulangkan anak buah abang/tempat semenda pada hari ini".

Dengan meluahkan rasa hati secara terbuka dan menceritakan salah silap kedua belah pihak yang menjadikan berlakunya keretakan rumahtangga yang membawa kepada perceraian.

Dalam perjumpaan itu anggota keluarga boleh memberi pendapat dan nasihat jika buruk sama-sama diper-

baiki mencari jalan tolak ansur supaya "yang kusut di selesaikan, yang keruh di jernihkan". Jika si suami setelah mendapat pandangan dan nasihat kerana "akal tak sekali tiba, fikiran tak sekali datang" dan ada tolak ansur maka hasrat hendak bercerai itu bolehlah diketepikan. Tetapi kalau hasrat sudah tak boleh diubahkan-ubah lagi, hanya perceraian jalan penyelesaian maka di majlis perjumpaan itulah si suami menceraikan isterinya dan memulangkan kembali si isteri kepada keluarganya dengan penuh kesabaran, keikhlasan dan adab sopan.

Adat perceraian ini akan menentukan pula hartabenda yang mereka perlu bahagikan. Pembahagian harta inilah yang disebutkan 'bersuarang' seperti yang ditetapkan oleh adat:

Carian bahagi
dapatan tinggal
bawaan kembali
mati bini tinggal ke laki
mati laki tinggal ke bini

Carian Bahagi: Menentukan harta yang mereka kumpulkan bersama sewaktu menjadi suami isteri sebagai "harta carian". Harta ini mestilah dibahagi dua secara adil dan samarata. Contohnya sebuah rumah yang mereka dirikan semasa menjadi suami isteri diatas tanah/tapak yang mereka beli, sekalipun gerannya nama isteri atau suami harta itu hendaklah dinilai dan dibahagi dua.

Dapatan Tinggal: Harta dapatan ialah harta kepunyaan isteri semasa sebelum kahwin sama ada rumah atau tanah, barang-barang kemas dan sebagainya hendaklah tinggal atau menjadi hak isteri. Suami tidak berhak mengambil harta dapatan itu.

Bawaan Kembali: Harta yang dimiliki oleh si suami sebelum berkahwin samada harta tanah atau harta benda dan digunakan bersama semasa menjadi suami isteri, maka harta itu dinamakan 'harta bawaan' dan menjadi hak si suami. Si isteri tidak berhak menerima atau menuntutnya.

Bagaimanapun perbilangan adat ada menyebut,
Sekutu belah
Seorang suarang beragih
ATAU,

Harta peran beragih
Orang diberi dapat sahaja.

Apa yang dimaksudkan dalam perbilangan ini ialah harta carian yang dibahagi dua itu mesti diambil kira dengan anak-anak yang ditinggalkan dibawah tanggungan isteri. Oleh itu bahagian si lelaki dikira sebagai "harta peran beragih, orang diberi dapat sahaja", dengan diserahkan kepada anak-anaknya dan kedua belah pihak tidak berhak menuntutnya. Harta ini juga digunakan bagi menyara anak-anak sekiranya mereka masih kecil.

Cara pembahagian harta demikian tidak membebankan si suami lagi dengan masalah tuntutan nafkah anak-anak mengikut aturan adat perpatih. Disinilah timbul tanggapan setengah pihak menuduh atau mendakwa, si suami akan tinggal sehelai sepinggang kalau berkahwin dengan perempuan Negeri Sembilan apakala berlaku perceraian.

Tanggapan demikian adalah salah, mungkin timbul disebabkan tidak memahami peraturan adat. Kalau mahu dikira keadilan, apakah adil seorang suami menceraikan isteri dengan meninggalkan tanggungjawab menyara anak-anak kepada isteri. Tidak ada sebab seorang suami akan tinggal sehelai sepinggang sekiranya berlaku perceraian. Kerana bahagian si suami sudah di peruntukan dalam "bawaan kembali". Lainlah kalau lelaki itu memang datang menyemenda dengan sehelai sepinggang dan tiada pula ada harta carian, semasa berumahtangga, maka dia akan pergi tentulah dengan sehelai sepinggang juga.

Sambungan dari m.s. 7

Sempadan negeri di masa lalu hanya ditetapkan pada Bukit atau sungai. Luak Jelevu mempunyai sempadan yang ditetapkan dalam masa pemerintahan Inggeris ialah meliputi sempadan Pahang, Selangor dan Sungai Ujong. Bagaimanapun sempadan Luak Jelevu sudah diubah beberapa kali sebelumnya, sejak Dato' Gombak lagi menjadi Dato' Penghulu.

Inggeris telah menetapkan sempadan di sebelah utara dengan Pahang ditetapkan di Sungai Dua. Sewaktu pembentukan Negeri Sembilan, di antara sembilan Luak yang terbabit ialah Ulu Pahang. Sama seperti Naning yang dimasukkan ke Melaka, Segamat diambil oleh Johor dan Kelang dikembalikan kepada Selangor, Luak yang dikatakan Ulu Pahang juga terkeluar daripada Negeri Sembilan.

Kenaboi yang merupakan sebahagian daripada Ulu Pahang, kemudiannya dimasukkan ke dalam Luak Jelevu seperti disebut oleh A. Caldecott dalam 'Jelevu: Sejarah dan Perlembagaannya' yang ditulis tahun 1912, mencatatkan kerajaan Inggeris membantu meletakkan sempadan Jelevu dengan Pahang ditetapkan di Sungai Dua.

Sempadan Luak Jelevu yang ditetapkan itu ialah dengan Pahang: Melambai, Beraga, Penyabung, Beras Ginting, Terak, Tidung, Hitam, Telemung, Sepam dan Hantu. Dengan Selangor: Genting Peras, Pantar, Rambun, Nyiur Rambang, Genting Impan dan Silang. Dengan Sungai Ujong: Bukit Tangga, Batu Book, Salai, Lubuk Jin, Busung Lalur, Runtuh dan Besar.

Semua sempadan tersebut adalah mengikut nama bukit-bukit, tetapi sempadan yang mengikut nama tempat di sebelah Pahang ialah: Teluk Merbau Seratus, Lompatan beruang, Meranti Sembilan, Pasir Kelambu, Jambu Bertumbuh, Kuala Poh (terdapat aur berduri yang ditanam oleh Orang Kaya To' Hassan seorang pembesar di Temerloh). Kuala S'meih dan Sungai Dua.

* * * * *

Kesudahan Adat ke balairong
Kesudahan dunia ke akhirat
Salah ke Tuhan minta tobat
Salah ke manusia minta maaf

* * * * *

* * * * *

Adat bersandi syarak
Syarak bersandi kitabullah
Syarak mengatokan
Adat memakai

* * * * *